

16 OCT 2003

OIC-Mahathir (Reaksi) (Bergambar)/I

UCAPAN DR M SEDIAKAN PERSPEKTIF YANG BAIK UNTUK HALA TUJU OIC

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Para pemimpin negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) hari ini menyambut baik ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyifatkannya sebagai menyediakan perspektif yang betul bagi hala tuju pertubuhan berkenaan selain umat Islam di seluruh dunia.

Kebanyakan pemimpin itu berkata ucapan Perdana Menteri amat penting dalam membimbing umat Islam bagi menyelesaikan banyak masalah dan cabaran yang menimpa mereka.

Presiden Sudan Omer Hassan Ahmed El-Bashir berkata Dr Mahathir secara jelas telah memperincikan masalah dunia Islam dan cara mengatasinya.

"Ia satu ucapan yang utama... ucapan itu seharusnya dicetak dan disebar kepada semua umat Islam," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata Sudan yakin Malaysia akan berupaya memacu pertubuhan 57 anggota itu kepada lebih berorientasikan tindakan dan memperkuatkan setiakawan serta perpaduan di kalangan umat Islam.

Dalam ucapannya semasa merasmikan Sidang Kemuncak OIC ke-10 di sini, Dr Mahathir telah menentukan hala tuju untuk dibincangkan pada perhimpunan terbesar negara-negara Islam dengan menggesa mereka menggunakan kekuatan dan merapatkan barisan dalam menangani isu-isu yang dihadapi umat Islam di seluruh dunia.

Perdana Menteri berkata dengan 1.3 bilion penduduk, negara-negara Islam sebenarnya kuat tetapi mereka tidak pernah berusaha untuk bersatu dan bekerjasama.

Presiden Afghanistan Hamid Karzai pula menyifatkan ucapan Dr Mahathir sebagai "ucapan yang sangat baik".

Beliau berkata Dr Mahathir telah menggariskan banyak perkara berkaitan kedudukan umat Islam masa kini dan apa yang perlu dilakukan dalam tempoh tiga tahun lagi.

"Ucapan beliau sememangnya betul... amat baik untuk semua," katanya, sambil menambah dunia Islam perlu bekerjasama untuk memaklumkan kepada dunia bahawa keganasan merupakan musuh kepada Islam.

Presiden Sierra Leone, Dr Ahmad Tejan Kabbah berkata beliau amat kagum dengan ucapan Dr Mahathir.

"...penuh kebijaksanaan... saya harap ia dapat disebar kepada semua umat Islam," katanya.

Dr Ahmad berkata Dr Mahathir juga telah menghuraikan kekeliruan yang wujud disebabkan pelbagai interpretasi agama Islam dan ianya amat berguna dalam menempatkan Islam pada perspektif yang betul.

Wakil khas Presiden Surinam, Rafiek Chiragally berkata Dr Mahathir telah meninggikan status agama Islam dengan amanat bahawa hanya dengan adanya perpaduan maka umat Islam akan menjadi lebih kuat dan akan berjaya menewaskan musuh-musuh agama mereka.

Amanat beliau amat jelas menekankan bahawa hanya dengan adanya perpaduan dan matlamat yang jelas umat Islam boleh memajukan kekuatan ekonomi mereka.

Menteri Hal Ehwal Luar dan Integrasi Afrika Benin, Rogatien Biaou berkata ucapan itu menyentuh semua masalah umat Islam dan perlunya bagi perpaduan dan pembangunan ekonomi di kalangan ummah.

"Jadi kini kita perlu beralih daripada pendirian politik kepada ekonomi," katanya.

Perdana Menteri Djibouti Dileita Mohamed Dileita berkata ucapan itu

memberikan perspektif kepada negara-negara Islam mengenai bagaimana mereka patut membuat persediaan bagi menghadapi cabaran masa depan.

Beliau berkata Malaysia telah memainkan peranan dalam kewujudan OIC dan sekali lagi berpeluang menyumbang lebih banyak untuk pembangunan ummah.

"Jadi, sebagai pengerusi OIC, saya yakin Malaysia akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadikan OIC sebagai wadah penting bagi negara-negara Islam," katanya.

Menteri Luar Kazakhstan Kassymzhomart Tokaev berkata Dr Mahathir telah menyampaikan suatu mesej yang tegas dan mesej itu perlu diteliti secara serius oleh kesemua negara anggota.

Beliau berkata terdapat beberapa isu utama yang dihadapi oleh negara-negara anggota OIC seperti pendidikan, sains dan teknologi serta ekonomi selain peluang untuk memahami Islam dengan lebih mendalam.

Duta Palestin ke Malaysia Ahmad Al-Farra pula berkata Dr Mahathir telah menggariskan pelbagai strategi untuk umat Islam dalam ucapan perpisahannya yang "saya percaya dapat menyelesaikan semua masalah mereka."

"Jika mereka sekadar ingin mendapatkan satu perakuan yang baik, kata-kata dan resolusi dan seterusnya...maka mereka akan terus berbuat begitu bagi tempoh 50 hingga 100 tahun lagi di tempat sama yang mereka berada," kata diplomat veteran itu.

-- BERNAMA

RV MKO ROS